



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PEMELIHARAAN KESIHATAN KANAK-KANAK

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merujuk kepada fenomena ibu bapa yang enggan memberikan suntikan vaksin atau imunisasi kepada anak-anak mereka sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

KPWKM menasihati ibu bapa yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan kanak-kanak supaya mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan tahap kesihatan kanak-kanak berada dalam keadaan baik.

Sekiranya, keengganan ibu bapa memberi suntikan vaksin dan imunisasi menjadi punca merebaknya jangkitan penyakit-penyakit yang membahayakan kesihatan dan mengancam nyawa kanak-kanak itu, ianya boleh disifatkan sebagai satu penganiayaan kepada kanak-kanak.

Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] menyatakan bahawa mana-mana orang yang menganiaya kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Akta kanak-kanak 2001 telah pun dipinda melalui Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 dan telah diluluskan di kedua-dua Dewan Rakyat pada 6 April 2016 dan Dewan Negara pada 4 Mei 2016. RUUKK kini dalam tindakan untuk diwartakan dan dikuatkuasakan bagi meningkatkan hukuman bagi seksyen 31 berkenaan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
30 Jun 2016